

Laporan Kemajuan Projek

Nama Projek Baik Pulih Surau Komuniti Orang Asli

Aug 21, 2025

Julai 2025

17 Julai 2025 - Berikut adalah status kerja-kerja baik pulih surau Kampung Orang Asli Tebang Baru, Lembah Belum, Gerik, Perak sebagaimana yang dilaporkan oleh wakil MVM (Ustaz Khairul Fahmi bin Mohamad, Pegawai Jakim). Kerja-kerja yang sudah berjalan termasuklah:

1. Mengikat batu bata bagi dinding dapur
2. Menampal *plaster* di bahagian dinding yang berlubang
3. Menaikkan ketinggian lantai dapur
4. Memasang muka pintu yang baharu



Kami juga dimaklumkan kemajuan kerja-kerja baik pulih menggunakan dana terkumpul oleh MVM iaitu RM 13,500 sudah mencapai 50 peratus. Berikut adalah senarai baik pulih dan renovasi hasil daripada dana MVM:

1. Penukaran atap zink baru
2. Penambahan ruang dapur
3. Penambahan ruang stor
4. Penambahan bahagian *awning* hadapan

Untuk pengetahuan anda, jumlah dana tersebut turut meliputi kos upah kerja serta logistik darat dan tasik. MVM masih menerima sumbangan (kempen masih dibuka) bagi menampung kos kerja, logistik serta penilaian projek kerana terdapat 50 peratus lagi kerja yang perlu disiapkan.

Mei 2025

9 Mei 2025 - Wakil MVM (Ustaz Khairul Fahmi bin Mohamad, Pegawai Jakim), memaklumkan kerja-kerja baik pulih akan dimulakan pada minggu ini. Barang-barang keperluan sudah dibeli dan dibawa menaiki *houseboat* menuju ke Kampung Tebang Baru. Perjalanan ke kampung orang asli dari jeti Royal Belum memakan masa lebih satu jam kerana *houseboat* bergerak amat perlahan. Kerja-kerja baik pulih melibatkan 5 orang tukang dan akan mengambil masa kerana kesemua tukang mahir datang secara berulang-alik menaiki bot setiap hari.



Supaya surau ini boleh dimanfaatkan segera, kerja-kerja baik pulih memfokuskan:

1. Penukaran atap yang bocor.
2. Tambahan ruang





Februari 2025

Gambar sebelum kerja-kerja baik pulih (diambil pada Februari 2025 sewaktu MVM turun membuat serahan sumbangan Ramadan):

1. Bumbung masih bocor
2. Tingkap masih tiada
3. Lantai masih belum sempurna
4. Tandas masih belum siap



Bagaimana bantuan bermula?

Kunjungan Awal MVM

10 Ogos 2023 - MVM mula turun ke Kampung Orang Asli Tebang Baru, Lembah Belum, Gerik, Perak. MVM menerima maklumat daripada sukarelawan yang sering turun berbakti di kampung ini tentang surau yang masih belum siap sejak sebelum PKP. Tinjauan MVM pada tarikh ini mendapati surau ini sudah dibina cuma gagal disempurnakan atas pelbagai faktor, salah satunya PKP. Kehadiran MVM adalah bersama sukarelawan tersebut serta wakil JAKIM, Ustaz Khairul Fahmi bin Muhammad, Penggerak Masyarakat Orang Asli/Pembantu Hal Ehwal Islam.



Sewaktu kunjungan ini, kami mendapati:

1. Memang berlaku kebocoran dari bumbung (berlubang)
2. Bahan binaan yang dibeli sebelum PKP sudah tidak boleh digunakan (disimpan dalam bilik tetamu/pengajar)
3. Ustaz Fahmi selaku tenaga pengajar tidak dapat meneruskan tugasan kerana tiada tempat tinggal yang sesuai (belum siap).
4. Tandas belum siap.
5. Elektrik menggunakan generator.



Maklumat tambahan

1. Surau ini jarang digunakan kerana terlalu banyak kerosakan menyebabkan kelas agama tidak dapat diadakan dengan kerap.
2. Penduduk orang asli di sini adalah daripada etnik Semang (Temiar dan Jahai)
3. Terdapat 14 keluarga muslim (10 - 15 ahli keluarga)

Jenis mandat projek dan *thematic areas*

Ruang awam yang selamat: UN mengiktiraf kepentingan ruang awam yang selamat untuk komuniti. Memperbaiki kemudahan yang terbengkalai boleh mewujudkan ruang yang selamat untuk komuniti beraktiviti

Piawaian dan garis panduan antarabangsa/PBB yang dirujuk berkaitan projek ini?

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari) mempunyai berbilang sasaran yang berkaitan dengan mewujudkan ruang awam yang inklusif, selamat dan mampan. Pemulihan kemudahan terbengkalai kepada ruang yang boleh digunakan boleh menggiatkan semula kawasan sekitar dengan aktiviti pembelajaran sekaligus menarik ahli komuniti.

